

Pasukan Kadet Bomba SMK Pantai IB World School raih dua emas

LABUAN: SMK Pantai IB World School memenangi dua pingat emas dan satu pingat gangsa pada Perkhemahan Kadet Bomba dan Penyelamat Peringkat Negeri, Wilayah Persekutuan Labuan yang diadakan di Kolej Matrikulasi Labuan, baru-baru ini.

Sekolah itu memenangi Pingat Emas dalam Pertandingan Kuiz Kebombaan dan Kawat Operasi Hos Kering Lelaki.

Manakala dalam Pertandingan ikatan dan simpulan SMK Pantai memenangi Pingat Gangsa.


Juara keseluruhan ialah SMK Mutiara, kedua SMK Taman Perumahan Bedaun dan ketiga SMK Pantai IB World School yang telah menepati tagline sekolah SMK Pantai Menjulung Nama, Sorakan 123.

Majlis Penutupan Perkhemahan tersebut disempurnakan oleh Pengarah Bomba dan Penyelamat Labuan, Zainal Madasin.

Turut hadir Ketua Unit Beruniform Jabatan Pendidikan Labuan, Aminuddin Abd Malik, yang mewakili Pengarah Pendidikan Labuan, Raisin Saidin.

Hadir sama Pengetua SMK Pantai IB World School, Sahar Misron, Pengetua SM St. Anthony, Dona Undoh, Pengetua SMK Taman Perumahan Bedaun, Jijah Mohammad Suhai di samping Penolong Kanan Kokurikulum sekolah menengah juga hadir termasuk dari Sekolah Menengah Agama MAWIP.

-OLEH: JAINUDIN DJIMIN



SAHAR (tengah baju biru) bersama ahli Kadet Bomba SMK Pantai yang meraih dua emas di Perkhemahan Kadet Bomba dan Penyelamat Peringkat Negeri, baru-baru ini.